

NCIA DAN INDUSTRI BERTEKNOLOGI TINGGI BERKERJASAMA BANGUN EKOSISTEM BAKAT BERNILAI TINGGI DI PULAU PINANG

*Penciptaan Peluang Pekerjaan Baharu dalam bidang Perisian dan Kejuruteraan Sistem
Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) bagi Industri Berteknologi Tinggi*

Pulau Pinang, 15 Oktober 2021 – Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) hari ini bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan ekosistem bagi melahirkan bakat bernilai tinggi yang akan mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab teknologi serantau yang bertaraf dunia serta menyokong pembangunan bakat berkemahiran tinggi dalam industri berteknologi tinggi.

“Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan NCIA dalam melonjakkan lagi daya tarikan Pulau Pinang kepada pelabur dalam Sektor Elektrik dan Elektronik (E&E), Sektor Pembuatan, dan Jentera & Peralatan (M&E) serta memperkasa kedudukan Pulau Pinang sebagai peneraju teknologi termaju, bakat berkemahiran tinggi dan hab teknologi di rantau ini” kata YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

“Dengan lebih daripada 300 syarikat multinasional yang beroperasi di Pulau Pinang, permintaan terhadap tenaga kerja berkemahiran amat diperlukan bagi memenuhi keperluan industri di sini. Pulau Pinang amat bernasib baik kerana memiliki graduan baharu yang mencukupi bagi memenuhi permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja dan bakat berkemahiran tinggi. Kedudukan Pulau Pinang sebagai Lembah Silikon Timur pasti dapat diperkukuhkan dengan peningkatan kualiti graduan kami melalui inisiatif yang diperkenalkan oleh NCIA. Saya memang teruja untuk melihat hasil daripada inisiatif ini pada masa hadapan” tambah beliau lagi.

NCIA bakal membangunkan *NCER Technology Innovation Center (NTIC)*, sebuah hab teknologi dan inovasi dalam usaha mewujudkan ekosistem yang kondusif dan mampan bagi menyokong landaskap ekonomi dan industri Pulau Pinang.

NTIC adalah sebuah projek pembangunan baharu dibawah inisiatif ‘*NCER Single Campus*’ memfokuskan kepada aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Konsep ‘*Single Campus*’ diperkenalkan bagi menggalakkan kerjasama dan kolaborasi kawasan perindustrian utama di Pulau Pinang, Kedah dan Perak menerusi kemudahan yang disediakan oleh NTIC dan seterusnya meletakkan Pulau Pinang sebagai hab

teknologi dan inovasi serantau. NTIC juga berperanan dalam menyediakan kemudahan dan perkhidmatan dalam produk inovasi, jaringan dengan pakar industri tempatan dan antarabangsa, pembangunan bakat tempatan, konsultasi, dan menyediakan sistem pengurusan perkhidmatan sehenti.

NTIC juga akan berfungsi sebagai platform untuk menjalankan aktiviti ekonomi bernilai tinggi bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), Syarikat Besar Tempatan, Syarikat Multinasional, Usahawan Tekno (teknopreneur), Usahawan Muda dan Syarikat Pemula di NCER.

NCIA telah menjalankan kerjasama strategik dengan Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA), Produktiviti Elektrik dan Elektronik Nexus (EEPN) dan pemain industri dalam sektor Elektrik dan Elektronik (E&E) dalam membangunkan Pusat Kecemerlangan (CoE), Program Komuniti Teknikal, rangkaian ekosistem pembangunan LLC, pembangunan harta intelek dan *Advanced Technology Meister Programme (ATMP)* untuk pembangunan bakat tempatan.

Pendekatan '*quadruple helix*' akan diguna pakai untuk memacu pembangunan ekonomi yang lebih mampan dan inovatif. Fokus NTIC merangkumi lima sektor pemangkin utama iaitu Elektrik dan Elektronik (E&E), Jentera dan Peralatan (M&E), Peralatan & Peranti Perubatan, Aeroangkasa, dan Teknologi Pertanian.

Inisiatif NTIC adalah sejajar dengan Pelan Pembangunan Strategik NCER 2021-2025 sebagai pemacu utama dalam Pembangunan Bakat dan Kemahiran melalui ATMP.

ATMP bermatlamat untuk menggalakkan pembangunan bakat berkemahiran tinggi melalui program pensijilan dan modul latihan serta program usahasama antara industri dan akademia bagi memenuhi permintaan industri dan tenaga kerja.

Melalui NTIC, kerjasama strategik antara NCIA, Universiti Sains Malaysia (USM) dan *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology Centre (CREST)* telah dijalin bagi membangunkan bakat berkemahiran tinggi bagi memenuhi permintaan industri di Pulau Pinang dan NCER.

NCIA hari ini telah menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) dengan USM untuk melancarkan satu program untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dengan melengkapkan graduan dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan dalam 4IR untuk menjadi bakat yang berpotensi bagi memenuhi permintaan industri. Program yang dikenali sebagai *Professional Excellence Programme (PreX)* merupakan satu program pembangunan bakat

yang menggabungkan input akademik industri tentang keperluan & harapan industri, penilaian profesional industri dan kebolehpasaran graduan.

Program ini dilaksanakan bagi menyokong pertumbuhan dan permintaan kepada analisis dan kemampaan Sistem Kejuruteraan 4IR untuk penerapan sembilan tiang 4IR oleh industri. Pemain industri yang akan mengambil bahagian dalam program ini adalah Sophic Automation Sdn Bhd, Elliance Sdn Bhd dan Miyazu Malaysia Sdn Bhd. PreX juga diselaraskan dengan inisiatif ATMP di bawah NTIC.

Pada majlis yang sama juga, NCIA dan CREST telah memeterai Memorandum Kerjasama (MoC) menyaksikan kolaborasi strategik antara syarikat multinasional seperti Intel Microelectronics (M) Sdn Bhd dan Motorola Solutions (M) Sdn Bhd Bersama syarikat teknologi tempatan seperti Orionplex Sdn Bhd, Exiatec Technology Sdn Bhd and Sensoft Technologies Sdn Bhd. USM akan menjadi institusi pengajian tinggi awam yang akan mewujudkan dan melatih bakat berkemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan perisian untuk menyokong permintaan tenaga kerja industri di Pulau Pinang.

Program Engineering Software Talent Programme (EnSoft) bermatlamat mengatasi masalah jurang bakat Kejuruteraan Perisian dalam dalam bidang *embedded system, android application* dan *embedded android operating system*. EnSoft bakal menjadi pemangkin kepada program Latihan berkemahiran tinggi yang lain bagi mewujudkan bakat berkaitan industri bagi memenuhi permintaan pasaran dan industri.

Hasil kerjasama bersinergi antara NCIA, CREST, pemain industri dan para akademia, Ensoft bakal menjadi projek rintis pada tahun 2021 dan disokong oleh Program *NCER Talent Enhancement Programme (NTEP@NCER)*.

NTEP@NCER merupakan salah satu program insentif modal insan NCER bertujuan untuk menggalakkan syarikat untuk mengambil graduan baharu dan menyediakan latihan yang secukupnya. Insentif NTEP juga disediakan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan, pekerja yang diberhentikan, pekerja kontrak, pekerja sambilan dan pelatih dengan menyediakan peluang pekerjaan dan pada masa yang sama memastikan tenaga kerja tersebut sesuai dengan keperluan industri. Secara kumulatif sejak program ini dilancarkan, seramai 9,188 peserta telah mendapat manfaat dari program ini.

“Kerjasama dengan para akademia dan pemain industri seperti kita saksikan hari ini akan terus memacu Pulau Pinang menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi serta membantu pulih dengan cepat daripada cabaran COVID-19 dan lebih banyak peluang pekerjaan terutama dalam kejuruteraan perisian dapat diwujudkan” kata Datuk Seri Jebasingam Issace John, Ketua

Eksekutif NCIA dalam menegaskan peranan NCIA dalam mewujudkan ekosistem yang kondusif.

Program jaringan kolaborasi industri ini akan meningkatkan kualiti bakat yang akan menyumbang kepada tenaga kerja berkemahiran tinggi di rantau ini.

UST Global (Malaysia) Sdn Bhd (UST Global) adalah sebuah Syarikat Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) multinasional merancang untuk meningkatkan pelaburan di Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada strategi pertumbuhannya. Terletak di Bayan Lepas, UST Global telah menjadi asas kepada ekosistem perindustrian Pulau Pinang sejak 2011. Syarikat yang berstatus MSC ini telah mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi di bidang berkaitan 4IR. Melalui NTEP, UST Global akan mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada 70 graduan dalam bidang kejuruteraan perisian dan perkakasan serta pembangunan produk, infrastruktur dan kejuruteraan sistem.

Sebagai salah satu syarikat yang meneraju sektor pembuatan di Pulau Pinang dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang adalah TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn Bhd (sebelumnya dikenali sebagai Advanced Micro Devices Export Sdn Bhd) yang terletak di Bayan Lepas. TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn Bhd telah berada di Pulau Pinang sejak dari tahun 1972 dan baru sahaja menerima Surat Penghargaan dari NCIA untuk permohonan JomKerja@NCER untuk mengambil 840 pekerja tempatan baru yang terdiri daripada 35 juruteknik dan 805 pakar pembuatan dalam pemasangan semikonduktor. Ini adalah bukti bahawa industri pembuatan dan pasaran perniagaan yakin dengan kemampuan Pulau Pinang untuk pulih dari cabaran pandemik COVID-19.

JomKerja@NCER adalah salah satu program modal insan '*fast track*' untuk menyokong syarikat dan perniagaan menggunakan tenaga kerja tempatan, melabur dan mengembangkan operasi dalam fasa pemulihan pandemik COVID-19. Syarikat yang mengambil bahagian dalam program ini akan diberikan insentif modal insan dan akses kepada kumpulan bakat yang merangkumi graduan baru, belia, wanita dan pekerja berpengalaman yang telah diberhentikan untuk memenuhi keperluan operasi syarikat. Sejak mula dilaksanakan pada tahun 2020, JomKerja@NCER telah menarik lebih daripada 3,400 peserta dengan lebih daripada 70 syarikat yang menyertai program ini di Pulau Pinang.

Peluang memberikan kualiti hidup yang lebih baik dan memastikan tenaga kerja mahir yang sesuai dengan keperluan industri dalam NCER. Melalui program ini, syarikat digalakkan untuk mengambil bakat tempatan yang akan mendapat latihan kemahiran di tempat kerja dan latihan kemahiran insaniah yang berkualiti tinggi untuk meningkatkan kecekapan mereka.

Sejak mula dilaksanakan di Pulau Pinang pada tahun 2020, JomKerja@NCER telah menarik lebih daripada 3,400 pemohon dengan lebih daripada 70 syarikat yang mengambil bahagian dalam program ini. NTEP@NCER yang telah dilaksanakan pada tahun 2019, sebaliknya, telah mewujudkan lebih dari 16,500 peluang pekerjaan dengan lebih dari 45 syarikat yang mengambil bahagian di Pulau Pinang.

NCIA telah membantu menarik sejumlah RM8.56 bilion pelaburan yang diluluskan dan mewujudkan lebih 5,155 peluang pekerjaan sehingga 2021. NCIA telah melepasi sasaran pelaburan iaitu RM7.2 billion daripada 2021 pelaburan yang diluluskan. Bagi peluang pekerjaan, NCIA berada di landasan tepat mewujudkan 8,644 peluang pekerjaan yang disasarkan untuk tahun ini.

“NTEP@NCER dan JomKerja@NCER adalah dua daripada pelbagai program modal insan berpaksikan rakyat merupakan elemen strategik dalam Pelan Pembangunan Strategik NCER (SDP 2021-2025). Penciptaan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam industri bernilai tinggi di Pulau Pinang akan membina asas yang kukuh dalam usaha NCIA membangunkan Malaysia yang Makmur, Inklusif, Mampan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat” tambah Datuk Seri Issace lagi.

Datuk Seri Jebasingam Issace John menyatakan bahawa inisiatif NCIA adalah selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan sebagai tanda sokongan atas usaha Kerajaan Persekutuan dalam mengatasi cabaran COVID-19 dalam fasa pemulihan ini, NCIA akan meneruskan usaha dalam menarik pelaburan berkualiti tinggi dan melaksanakan program modal insan yang holistik di Pulau Pinang untuk mengembalikan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dengan meningkatkan kuasa beli rakyat, merapatkan jurang sosioekonomi dan memastikan kelangsungan hidup.

–TAMAT –

UNTUK MAKLUMAN EDITOR:

Berkenaan NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Datuk Seri Jebasingam Issace John selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).

Sila hubungi:

En. Ariff bin Ahmad Ketua, Perhubungan Awan dan Pengurusan Media Unit Komunikasi Korporat Emel: ariffahmad@ncer.com.my Mobile: + 016 328 8944 GL: + 604-502 0708	Mohd. Faiz bin Othman Penolong Pengurus, Perhubungan Awan dan Pengurusan Media Unit Komunikasi Korporat Emel: mohdfaizothman@ncer.com.my Mobile: +60 12-622 5027 GL: + 604-502 0708
---	--

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ncer.com.my>